

15/02/2005

Siti Nurhaliza jadikan nasihat Dr Mahathir azimat

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Penyanyi nombor satu negara, Siti Nurhaliza Taruddin akan menjadikan nasihat dan kata-kata perangsang Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai azimat ketika konsert solonya di Royal Albert Hall, London, April ini.

Penyanyi itu berkata, bekas Perdana Menteri itu antara lain berpesan supaya dia memberi persembahan yang hebat serta mencetuskan beberapa idea bagaimana untuk memantapkan lagi konsert berkenaan.

Katanya, Dr Mahathir memberitahunya bahawa dia juga perlu membuat sesuatu untuk menjadikan persembahan itu menarik serta memberi banyak idea terutama dari aspek pengisian persembahan.

"Dr Mahathir mengajar saya bagaimana hendak berkomunikasi dengan penonton dan bagaimana perbualan saya boleh dikaitkan dengan lagu yang ingin disampaikan dalam konsert itu nanti," katanya.

Siti Nurhaliza berkata demikian kepada pemberita ketika dihubungi selepas mengunjungi Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Penyanyi itu berkata, dia amat terharu dan berbangga dapat bertemu Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang banyak memberi teguran dan nasihat kepadanya serta akan menjadikan pesanan tokoh itu sebagai aspirasi serta bekalan untuknya ke London.

Sambil memberitahu bahawa Dr Mahathir juga menasihatinya bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik ketika konsert, beliau berkata, idea dan kata-kata perangsang tokoh itu akan digunakan bagi memantapkan persembahannya dalam konsert terbabit.

Siti Nurhaliza juga menyifatkan nasihat Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan menjadi pencetus aspirasi baginya mempamer persembahan terbaik dalam konsert yang akan diadakan pada 1 April itu.

Siti Nurhaliza ditemani Pengurus Perhubungan Awam Siti Nurhaliza Productions (M) Sdn Bhd, Rozi Abdul Razak dan Pengerusi Eksekutif Penganjur Konsert Siti Nurhaliza di Royal Albert Hall, Ahmad Fadzli Yaakob.

Dalam pertemuan selama kira-kira sejam itu, Dr Mahathir dan Siti Hasmah membincangkan pelbagai perkara dengan Siti Nurhaliza termasuk mengenai karier penyanyi itu.

Siti Nurhaliza berkata, dia amat berbangga kerana Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah begitu menyokong apa yang dilakukannya serta tidak menyangka kedua-dua tokoh itu mengikuti perkembangan karier seninya.

Katanya, dalam pertemuan itu, dia juga menyerahkan kad undangan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah untuk menghadiri konsert itu dan kedua-duanya menyatakan mereka akan cuba hadir.

Beliau berkata, dia amat berharap Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dapat menyaksikan konsertnya kelak kerana mahu mengabadikan pertemuannya dengan dua tokoh itu yang disifatkannya sebagai amat 'bermakna'.

Siti Nurhaliza berkata, beliau akan ke London, 23 Mac ini bagi membuat persiapan sebelum menjayakan konsert itu.

(END) Source : Berita Harian